

TR 1:9:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS JAMUAN PERDANA SEMPENA MENYAMBUT PERAYAAN JUBLI PERAK DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR PADA 1HB SEPTEMBER, 1974

Y.B. Tan Sri Kadir, Pengerusi L.L.N., Encik Abu Zarim, Pengurus Besar, L.L.N., Ahli-ahli Lembaga, Dif-dif Yang Terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Pertama sekali, sukaiah saya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Letrik Negara kerana sudi menjemput saya berdua ke majlis yang permai ini dan turut bersama-sama dalam perayaan Jubli Perak Lembaga Letrik Negara yang genap usianya dua puluh lima tahun pada hari ini. Perayaan ini amat besar maknanya kerana kebetulan jatuh serentak dengan ulangtahun ke tujuh belas kemerdekaan negara kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Kita sedia maklum betapa pentingnya tenaga letrik kepada dunia moden. Ada yang berkata "modernization comes with electrification". Begitulah pentingnya Lembaga Letrik Negara kepada Malaysia hari ini yang sedang menuju zaman baru yang modern dan maju.

Saya bersyukur Kerajaan yang saya pimpin telah diberi mandat baru oleh rakyat. Kerajaan ini dipilih dan dikekalkan oleh rakyat untuk terus memimpin kerana azamnya melaksanakan pembangunan dengan lebih pesat lagi. Pembangunan negara bukanlah semata-mata menjadi slogan bagi kita, malahan menjadi satu "manifest destiny" atau matalamat yang nyata yang akan dikembalikan kepada rakyat sebagai memenuhi mandat yang diperolehi daripada rakyat. Inilah rationale Dasar Ekonomi Baru yang kita jalankan menerusi Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan-rancangan berikutnya.

Adalah penting dan mustahak bagi kita mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru ini dengan memodenkan sektor pertanian supaya menjamin pendapatan yang tinggi dan makanan yang cukup melalui daya pengeluaran yang lebih; memperkembangkan pembangunan perindustrian dengan perhatian istimewa terhadap perusahaan yang berasaskan pertanian (agro-based industries);

menubuhkan pusat-pusat pertumbuhan baru dengan membuka lebih banyak kawasan pertanian di bawah rancangan Felda dan lain-lain.

Bagaimanapun, segala rancangan pembangunan yang saya sebutkan itu sangat-sangat memerlukan tenaga letrik, terutama sekali dalam usaha Kerajaan hendak mempermodenkan kawasan luar bandar. Untuk tujuan ini saya percaya L L N sedang merancang hendak mendirikan lebih banyak stesyen-stesyen penjana di seluruh negara dalam tahun-tahun akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Kita semua maklum bahawa negara kita mempunyai bukit bukau dan gunung ganang yang merupakan sumber air yang banyak. Sungai-sungai kita yang ada itu meskipun memberi munafaat kepada manusia tetapi ada kalanya membawa bencana pula. Oleh itu tentulah lebih baik sumber alam ini kita gunakan bagi tujuan-tujuan yang produktif, dan satu daripadanya ialah sebagai punca tenaga. Ampangan-ampangan yang dibina di Temenggor dan akan dibina di Kuala Tahan bukan saja menjadi stesyen haidro untuk mengeluarkan tenaga letrik tetapi juga untuk mengawal banjir yang sentiasa memberikan mala petaka kepada rakyat jelata.

Dengan tujuan itulah Kerajaan telah memberi sokongan penuh terhadap rancangan Lembaga Letrik Negara membina stesyen penjana haidro di Temenggor yang memakan belanja sebanyak kira-kira \$250 juta dan dijangka siap dalam tahun 1978. Dengan siapnya rancangan ini, Lembaga Letrik Negara akan mendapat tambahan tenaga letrik sebanyak 350,000 Kilowatt lagi. Kerajaan juga sangat berpuas hati di atas penyiasatan yang sedang dijalankan pada rancangan yang sama di Tembeling, di Sungai Trengganu dan di beberapa tempat lagi di Negeri Kelantan dan Perak. Dengan adanya rancangan-rancangan jangka panjang ini maka bekalan letrik yang mencukupi akan dapat diadakan untuk menjayakan projek-projek pembangunan Kerajaan di masa hadapan.

Kita juga mempunyai beberapa stesyen thermal yang menggunakan minyak dan kebetulan pula pada masa ini seluruh dunia menghadapi krisis minyak. Alhamdulillah, berkat dasar luar negeri yang realistik dan praktik kita tidaklah merasakan benar krisis ini seperti yang dialami oleh negara-negara lain. Begitu juga kita bersyukur kepada Tuhan kerana negara kita mempunyai

sumber minyak yang kaya dan dalam konteks ini Kerajaan pula telah menubuh PETRONAS untuk menjamin supaya kita sendiri dapat mengawal punca-punca tenaga negara kita. Dengan tertubuhnya PETRONAS ini, adalah harapan baik bagi Lembaga Letrik Negara untuk menambah lagi stesyen thermal bersaing dengan perkembangan kuasa haidro yang saya sebutkan tadi.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh Lembaga Letrik Negara dalam masa dua puluh lima tahun yang lepas, seperti mana yang diterangkan oleh Pengurus Besar sebentar tadi, sangat memuaskan. Ini adalah kerana pandangan jauh Ahli-ahli Lembaga dan terutama sekali Pengurus Besar yang sentiasa menitikberatkan pembinaan dengan menggunakan lebih pendapatan bagi membanyakkan lagi tenaga letrik. Lembaga Letrik Negara bukanlah satu agensi yang wujud semata-mata untuk mencari keuntungan, malahan satu agensi pembangunan yang menjadi alat penting ke arah mencapai matalamat-matalamat negara. Kalau ada yang mengatakan Lembaga Letrik Negara semata-mata mencari keuntungan hanya salah faham tentang tujuan Kerajaan menubuhkan Lembaga Letrik Negara ini dan adalah baik bagi kita terutama pemimpin-pemimpin masyarakat supaya membetulkan prasangka ini.

Kita sedia maklum, LLN selama ini diurus dan dikendalikan oleh pegawai-pegawai yang mempunyai dedikasi dan berkaliber tinggi. Pada malam yang berbahagia ini, saya suka menyatakan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada salah seorang daripada pegawai-pegawai yang banyak berjasa kepada negara iaitu bekas Pengurus Besar Lembaga, Y.M. Raja Tan Sri Zainal bin Raja Sulaiman yang telah berkhidmat untuk Lembaga ini selama empat puluh lima tahun. Kepada beliau kita sekalian mengucapkan terima kasih dan jasa-jasa beliau akan tetap dikenang oleh Negara dan rakyat.

Akhir sekali, saya mengucapkan syabas kepada Lembaga Letrik Negara atas kejayaan-kejayaan di masa yang lepas dan saya berharap semoga Jubli Perak yang dirayakan pada tahun ini akan membawa ilham baru bagi kejayaan-kejayaan yang lebih cemerlang di masa hadapan.

Sekian, terimakasih.